


# Najib dakwa konspirasi terbaru pastikan 'senyap'

BH - 17/12/2019 ml: 2



**Saya diberitahu bahawa cerita baharu ini untuk membuka jalan kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH) supaya menahan dan memenjarakan saya tanpa jaminan kerana kes pembunuhan tidak membenarkan jaminan.**

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mendakwa perkembangan terkini kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu yang mengaitkannya sebagai konspirasi terbaru kerajaan bertujuan menentang dan memfitnahnya.

Katanya, pendedahan mengejutkan bekas pegawai polis, Azilah Hadri menerusi akuan bersumpahannya supaya Mahkamah Persekutuan menyemak semula keputusan bersalah dan hukuman mati yang ditetapkan itu sebagai bertujuan untuk memastikan beliau 'senyap'.

"Saya diberitahu bahawa cerita baharu ini untuk membuka jalan kepada Kerajaan Pakatan Harapan (PH) supaya menahan dan memenjarakan saya tanpa jaminan kerana kes pembunuhan tidak membenarkan jaminan," katanya menerusi Facebooknya, semalam.

Sambil menegaskan kes pembunuhan itu sudah 13 tahun berlalu selain sudah menjalani ratusan hari perbicaraan selama bertahun-tahun dari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan hingga Mahka-

mah Persekutuan, kes itu juga sudah menetapkan hukuman kira-kira lima tahun lalu.

"Saya mengarahkan pegawai membuat laporan polis terhadap kes ini tahun lalu.

"Pihak polis juga mengesahkan tiada bukti untuk mengaitkan saya dengan kes berkenaan," katanya.

Najib turut mempersoalkan sama ada hukuman mati yang bakal dijalani Azilah akan ditarik balik atau ditangguhkan berikutan akuan bersumpah berkenaan.

Awal semalam, Azilah membuat pengakuan mengejutkan apabila mendakwa Najib yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri, mengarahkannya untuk membunuh Altantuya pada tahun 2006.

Dalam akuan bersumpahannya (SD) bertarikh 17 Oktober lalu itu, Azilah mendakwa Najib mengarahkannya supaya membunuh Altantuya dan menghapuskan mayatnya.

Azilah juga mendakwa arahan itu diberikan secara lisan ketika bertemu dengan Najib dalam satu pertemuan pada 17 Oktober 2006 di Pekan, Pahang.

Beliau turut mendakwa arahan supaya mayat wanita Mongolia itu perlu dihapuskan kerana mangsa didakwa seorang perisik yang boleh mengancam keselamatan negara.

